

Accepted	Reviewed	e-Journal Upload
03 AUG 2022	31 OCT 2022	29 NOV 2022

Perbezaan Kaedah Tilawah Al-Quran Secara Bersemuka Dan Tidak Bersemuka Dalam Kalangan Pelajar di Era Pandemik Covid-19 Dan Endemik

The Distinction Between Face to Face and Non Face to Face Al-Quran Reciting Methods Among Students During the Covid-19 Pandemic and Endemic

Nawwarah Binti Rahiman, Rahmah Hayati Binti Musa, Siti Nabilah Binti Mohd Ali, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Zahir Abdul Rahman^{1*}

*Corresponding Author: zahir@usim.edu.my

ABSTRAK

Tahun 2020 telah menjadi tahun pandemik COVID-19 di seluruh pelusok dunia tidak terkecuali di Malaysia. Lantaran itu, kerajaan Malaysia telah memerintahkan pembatasan aktiviti masyarakat secara besar-besaran, termasuk aktiviti berinteraksi dalam bidang pendidikan. Sehubungan itu, kaedah pembelajaran secara tidak bersemuka mula dipraktikkan. Kajian ini bertujuan menjelaskan konsep pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka dan secara tidak bersemuka. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan antara pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka khususnya dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dengan merujuk bahan-bahan ilmiah seperti artikel, jurnal, buku dan beberapa penulisan lain. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan antara pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka iaitu secara bertalaqqi musyafahah dan tidak bersemuka iaitu menggunakan platform atas talian dalam kalangan pelajar. Maka, kajian ini perlulah dititikberatkan bagi memastikan kelangsungan pembelajaran berjalan dengan lancar terutamanya dalam era pandemik COVID-19.

Kata kunci: pembelajaran bersemuka, pembelajaran tidak bersemuka, pandemik COVID-19, talaqqi musyafahah maya

ABSTRACT

The year 2020 has been designated as the year of the COVID-19 pandemic in all parts of the world, including Malaysia. As a matter of fact, the Malaysian government has ordered a large-scale restriction of community activities, including interactive educational activities. As a result, non-face to face learning methods are being implemented. The purpose of this study is to explain the concept of learning Quran recitation face to face and non-face-to-face. Furthermore, this study was carried out to determine the difference between face-to-face and non-face to face Quran recitation, particularly among students. The library research method is used in this study, which refers to scientific materials such as articles, journals, books, and other writings. According to the study's findings, there is a difference between learning recitation of the Qur'an face to face, that is, through musyafahah, and non-face to face, that is,

¹ Mohd Zahir Abdul Rahman, Universiti Sains Islam Malaysia, zahir@usim.edu.my

using an online platform, among students. As a result, this research must be emphasized to ensure that learning continues smoothly, especially in the midst of the COVID-19 pandemic.

Keywords: *Face to face learning, non-face to face learning, COVID-19 pandemic, virtual talaqqi musyafahah*

PENDAHULUAN

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran al-Quran sebelum era pandemik COVID 19 lebih terarah kepada pendekatan bersemuka. Pendekatan bersemuka ini diaplikasi dalam kalangan pengajar al-Quran bertujuan memastikan pelajar dapat menguasai pelbagai kemahiran dalam tilawah al-Quran seperti membaca, menghafaz dan memahami ayat-ayat al-Quran. Namun begitu, sejak memasuki tahun 2020, penyebaran wabak COVID-19 tidak mampu dibendung secara konsisten menyebabkan kerajaan Malaysia memerintahkan pembatasan aktiviti masyarakat secara besar-besaran. Keterbatasan ini meliputi aktiviti berinteraksi dalam bidang pendidikan. Lantaran itu, kaedah pembelajaran secara tidak bersemuka atau lebih dikenali pembelajaran secara maya mula dipraktikkan sehingga kini.

Pandemik COVID-19 yang pernah melanda dunia dua tahun berlalu secara tidak langsung telah memberi dimensi baharu kepada pembelajaran tilawah al-Quran. Pada masa yang sama situasi ini telah memberi peluang kepada pengajar al-Quran untuk menambah baik dan membiasakan pendekatan kaedah *talaqqī musyāfahah* secara digital. Platform digital adalah solusi yang dilihat signifikan kepada pembelajaran tilawah al-Quran ketika itu yang mampu meminimumkan risiko terdedah kepada jangkitan wabak COVID-19. Kemunculan kelas pengajian al-Quran secara maya seperti dalam Facebook Live atau Instagram Live, sidang video WhatsApp, Telegram Call dan juga panggilan telefon memudahkan dan menarik minat golongan muda mahupun dewasa untuk turut sama menyertai program sedemikian (Sinar Harian, 2020).

Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan menjelaskan konsep pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka serta mengkaji kaedah pembelajaran tilawah al-Quran secara tidak bersemuka dan disamping untuk mengenal pasti perbezaan antara pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka dalam kalangan pelajar. Diharapkan hasil kajian ini mampu memberikan impak yang positif kepada semua pihak terutamanya kepada para pelajar agar terus bersemangat dalam mempelajari tilawah al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Apakah konsep pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka?
- ii. Apakah perbezaan pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka?

PERMASALAHAN KAJIAN

- i. Menghuraikan konsep tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka.
- ii. Menghuraikan perbezaan antara tilawah al-Quran secara bersemuka dan tidak bersemuka.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Pembelajaran Tilawah Al-Quran Secara Bersemuka

Pembelajaran al-Quran secara bersemuka dikenali sebagai *talaqqi musyafahah* dalam Bahasa Arab. *Talaqqi musyafahah* merujuk kepada perjumpaan secara berhadapan di antara murid dan guru semasa pembelajaran al-Quran berlangsung. Murid akan memerhati setiap sebutan huruf yang keluar dari mulut gurunya bagi memastikan sebutannya betul dan tepat (Norhisam, 2019). Gabungan perkataan *talaqqi musyafahah* diambil dari perkataan *talaqqi* dari kata dasar لقاء yang bermaksud pertemuan (Jamaluddin Muhammad, 2003) dan di dalam konteks pembelajaran al-Quran ialah perjumpaan atau pertemuan antara murid dan guru secara berhadapan (Nurul Huda, Najmiah & Nor Hafizi, 2019). Manakala perkataan شفاه merupakan kata dasar bagi *musyafahah* yang bermaksud bibir manusia iaitu satu proses pemindahan ilmu berkaitan pembacaan al-Quran dari mulut seorang guru kepada mulut seorang murid (Jamaluddin Muhammad, 2003).

Menurut Mohd Nahi (2018), wujud hubungan yang signifikan apabila kaedah ini digunakan oleh para guru yang memulakan sesi pengajaran tilawah dan tahfiz al-Quran. Selain daripada memperdengarkan bacaan mengikut kaedah *talaqqi musyafahah*, kaedah ini turut menjadikan hukum-hukum tajwid sebagai aspek yang ingin ditekankan supaya murid-murid dapat mengambil makna akan ayat yang dibaca. Oleh sebab itu, kaedah *talaqqi musyafahah* penting dalam mata pelajaran pendidikan Islam, terutamanya melibatkan bidang tilawah al-Quran dan bidang tahfiz al-Quran. Kaedah ini menjadi pemangkin bagi seorang pelajar yang ingin memulakan pembacaan al-Quran dan kaedah ini dapat memberi panduan yang betul berkenaan tatacara pembacaan ayat yang hendak dibaca dan dihafaz.

Menurut Norhisham (2019), kaedah *talaqqi musyafahah* merupakan kaedah yang efektif bagi membantu murid semasa proses pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran. Di samping itu, kaedah-kaedah moden yang lain turut menyokong kaedah *talaqqi musyafahah* dalam meningkatkan penguasaan murid semasa pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran. Pelajar daripada bidang tahfiz al-Quran juga menjadikan amalan kaedah ini sebagai panduan asas sebelum memulakan hafazan. Kaedah ini juga wajib bagi golongan penghafaz al-Quran di sekolah dan maahad tahfiz disamping guru akan menjadi sumber rujukan melalui pembacaan yang akan diteliti oleh muridnya.

Konsep Pembelajaran Tilawah al-Quran secara atas talian

Tilawah al-Quran secara atas talian merupakan satu wasilah berteknologi tinggi untuk mendapatkan ilmu membaca al-Quran. Konsep tilawah al-Quran secara maya merujuk kepada guru mengajar secara langsung melalui rangkaian media sosial daripada pelbagai aplikasi seperti *Facebook*, *Instagram*, *Telegram*, *Whatsapp*, *Skype*, *Zoom* mahupun panggilan telefon. Usaha murni tersebut memudahkan capaian masyarakat untuk mempelajari ilmu membaca al-Quran (Yaqin Bakharudin, 2020).

Pengajaran dan pembacaan al-Quran kini sudah mengalami perubahan yang disesuaikan dengan norma baharu susulan penularan wabak COVID -19, pada akhir tahun 2019. Perkara ini dikuatkan dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa; “Banyak institusi sama ada kerajaan mahupun swasta sudah pun memperkenalkan kelas pembelajaran al-Quran seperti tajwid, *talaqqi*, tarannum dan hafazan secara dalam talian.” (M. Yusri, 2013). Nur Amirah (2021) menjelaskan, walaupun proses pembelajaran berlaku secara dalam talian, pelajar masih boleh mempelajari kaedah tahsin dan *talaqqi* secara langsung dengan guru dengan meniru sebutan makhraj huruf dari setiap gerak

bibir guru. Sekiranya pelajar mengalami masalah dalam proses pembelajaran, guru tetap boleh menegur dan memperbaiki sebutan pelajar secara langsung menjadikan proses pembelajaran menjadi mudah. Melalui pendekatan ini, individu tanpa asas al-Quran berupaya membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid dalam tempoh masa dua bulan sahaja. Ini membuktikan kelas pengajian tilawah al-Quran yang diadakan secara dalam talian mampu memberikan impak yang berkesan sama seperti kelas bersemuka. Sesungguhnya Allah SWT akan mengurniakan kemuliaan dan kelebihan kepada mereka yang belajar al-Quran dan mengajarkannya.

Perbezaan Pembelajaran Tilawah Quran Secara Bersemuka Dan Tidak Bersemuka.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan

Kesediaan pelajar dalam meneruskan pembelajaran di atas talian dilaporkan berada di tahap yang sederhana (Kok, 2021). Secara tidak langsung laporan ini menunjukkan para pelajar lebih memberi keutamaan kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Walau bagaimanapun, di era pandemik dan endemik COVID-19 ini, pelbagai aplikasi ICT yang serba canggih telah mewujudkan pelbagai medium komunikasi yang lebih luas dan membolehkan maklumat-maklumat dapat disalurkan dengan lebih baik (Jenal, 2017). Lantaran itulah pembelajaran dalam talian menjadi komponen utama untuk mengakses bahan pembelajaran, berinteraksi dengan para guru, dan rakan-rakan ketika proses pembelajaran sedang dijalankan (Ally, M 2008).

Tahap pencapaian pemahaman pelajar ketika di dalam kelas

Menurut Syakir dan Farid (2021), pembelajaran al-Quran adalah pembelajaran yang penting bagi pelajar yang ingin memulakan pembacaan al-Quran dan sebagai panduan yang betul berkenaan tatacara pembacaan ayat yang hendak dibaca atau dihafaz. Lantaran itu, penting bagi para tenaga pengajar dalam memastikan pelajar-pelajar tidak keciciran dan dapat mengaplikasikan setiap panduan dan tatacara yang telah diajar di dalam kelas.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai dua objektif kajian ini, pemilihan kaedah kajian perpustakaan dilihat signifikan. Kaedah ini dijalankan dengan merujuk bahan-bahan ilmiah seperti artikel, jurnal, buku dan beberapa penulisan lain yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dikaji. Selain itu, beberapa laman web yang berautoriti dipilih bagi menambahkan lagi maklumat serta pengetahuan yang lebih sesuai dan mendalam berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Di samping itu, kajian-kajian lepas turut diteliti bagi menyokong tajuk kajian dan menjadikannya sebagai sumber rujukan. Kajian-kajian lepas tersebut penting bagi menunjukkan bahawa kajian ini tidak mengulangi kajian-kajian lepas. Ia juga bertujuan untuk menghargai penulisan ilmiah para cendekiawan dalam bidang yang sama dengan kajian ini. Dengan adanya kajian-kajian yang lepas, kami dapat memperoleh maklumat tentang hasil dapatan kajian-kajian itu dan meneliti pendapat-pendapat daripada penulisnya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Pembelajaran Tilawah Al-Quran Secara Bersemuka

Pembelajaran al-Quran secara bersemuka atau dalam istilah bahasa arab iaitu *talaqqi musyafahah* seperti yang diketahui oleh masyarakat umum memberi erti perjumpaan secara berhadapan di antara murid dan gurunya semasa pembelajaran al-Quran berlangsung. Murid akan memerhati setiap sebutan huruf yang keluar dari mulut gurunya bagi memastikan sebutannya betul dan tepat. Gabungan makna kedua istilah ini diambil dari perkataan *talaqqi* dari kata dasar لقاء yang bermaksud pertemuan dan di dalam konteks pembelajaran al-Quran ialah perjumpaan atau pertemuan antara murid dan guru secara berhadapan. Manakala perkataan شفاه merupakan kata dasar bagi *musyafahah* yang bermaksud bibir manusia iaitu satu proses pemindahan ilmu berkaitan pembacaan al-Quran dari mulut seorang guru kepada mulut seorang murid.

Kaedah pembelajaran secara bersemuka atau *talaqqi musyafahah* telah mula diamalkan oleh Rasulullah ﷺ semasa wahyu pertama Baginda diterima. Malaikat Jibrail a.s. datang bertemu Baginda sewaktu Baginda sedang beribadah seorang diri di Gua Hira' dan kedatangan malaikat Jibrail a.s. membawa wahyu pertama iaitu surah *al-A'laq*. Proses pengajaran dan pembelajaran ini bermula dengan malaikat Jibrail a.s. membaca ayat tersebut terlebih dahulu dan Baginda mendengar bacaan tersebut. Kemudian Baginda mula membaca dengan lidah yang fasih dan lancar. Peristiwa ini merupakan peristiwa agung yang telah menjadi permulaan kepada kaedah *talaqqi musyafahah* dan membuktikan kaedah ini adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran tertua dan pertam dalam sejarah perkembangan Islam.

Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah signifikan dalam mata pelajaran pendidikan Islam terutamanya pendidikan yang melibatkan bidang tilawah al-Quran dan bidang tahfiz al-Quran. Kaedah ini dapat memberi panduan yang betul berkenaan tatacara pembacaan ayat yang hendak dibaca dan dihafaz. Oleh itu, wujudnya hubungan yang signifikan apabila kaedah ini diparktikkan oleh para guru yang memulakan sesi pengajaran tilawah dan tahfiz al-Quran. Selain daripada memperdengarkan bacaan mengikut kaedah *talaqqi musyafahah*, kaedah ini turut menjadikan hukum-hukum tajwid sebagai aspek yang ingin ditekankan supaya para pelajar dapat mengambil cakna akan ayat yang dibaca.

Dalam bidang tahfiz juga menjadikan amalan kaedah *talaqqi musyafahah* sebagai panduan asas sebelum memulakan sesi hafazan kerana kaedah ini wajib bagi golongan penghafaz al-Quran di sekolah dan mana-mana institusi tahfiz al-Quran. Guru akan menjadi sumber rujukan melalui pembacaan yang akan diteliti oleh muridnya. Kaedah ini sangat berkesan kerana dapat membantu pelajar semasa proses pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran. Di samping itu, kaedah-kaedah moden juga turut mewarnai dan menyokong kaedah *talaqqi musyafahah* dalam meningkatkan penguasaan pelajar semasa pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran.

Kaedah Pembelajaran Tilawah Al-Quran Menggunakan Aplikasi Atas Talian

Pada mulanya kaedah *Talaqqi* dijalankan secara langsung dengan pertemuan secara bersemuka antara guru dan pelajar di satu tempat (*musyafahah*), tilawah al-Quran dilakukan dengan cara pelajar mendengarkan dan memperhatikan lafaz setiap kata dan ayat yang disebutkan oleh gurunya. Namun, selepas pandemik COVID-19 memasuki Malaysia, kaedah pembelajaran tersebut telah ditukar kepada pembelajaran secara digital yang sering kali digunakan masa kini iaitu Whatsapp, Telegram, Zoom, Google Meet, Youtube, Facebook, Instagram dan Ms Teams.

Hakikatnya, kebanyakan guru al-Quran sama ada secara formal atau sebaliknya, sudah pun beralih kepada pengajian dalam talian. Perkara dibahaskan oleh Abdul Hanis Embong (2021) dengan menyatakan bahawa, terdapat tiga langkah konvensional biasa digunakan guru al-Quran supaya pelajar dapat membaca dengan baik secara atas talian. Pertama, pelajar dan guru perlu hadir bersama dalam satu majlis secara digital kemudian bacaan pelajar diperdengarkan. Sebelum itu, guru harus memilih aplikasi yang mesra pengguna ketika mengajar al-Quran, bergantung tahap pelajar. Kedua, guru akan meneliti bacaan pelajar dan menegur bacaan itu. Ketiga, pelajar akan mengulangi bacaan sama dengan penambahbaikan bacaan sepatutnya.

Semua langkah di atas memberi kesan kepada pelajar yang mempunyai asas dan keupayaan tilawah al-Quran sedia ada. Mereka dapat mengadaptasi teguran guru secara maya dan memperbaiki bacaan secara langsung. Menurutnya lagi, bagi yang baru belajar seperti di tahun 1, 2 dan 3 di sekolah rendah seumpamanya, pembelajaran dalam talian bukanlah medium terbaik kerana mereka memerlukan tunjuk ajar berfokus dan latihan berterusan. Jelas sekali, keadaan ini mengundang cabaran buat guru yang mengajar pada peringkat permulaan ini. Dalam situasi ini, semua pihak harus bertolak ansur. Sifat toleransi mampu memberi ruang mempertingkatkan kualiti serta kaedah pengajaran dan pembelajaran sedia ada.

Hisyam Abdul Bari Rajih (2020) merupakan antara pengajar yang menganjurkan kelas talaqqi atas talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Beliau menyatakan, platform aplikasi Zoom telah digunakan bagi mengumpulkan semua para pelajar di dalam sebuah kelas secara maya. Proses pengajaran bermula dengan pembacaan al-Quran secara bergilir-gilir dan pendekatan menegur sekiranya berlaku kesalahan di dalam bacaan itu. Kaedah ini sama seperti kaedah *talaqqi musyafahah*, namun yang membezakannya ialah talaqqi secara di dalam talian pelajar dan guru tidak bersemuka secara langsung, sebaliknya mereka bertemu secara maya. Menurutnya Syeikh Hisham lagi, kejayaan talaqqi secara maya bergantung kepada kelajuan internet dan kejelasan gambar. Ini kerana kelajuan internet penting dalam memastikan komunikasi di antara guru dan pelajar berjalan dengan lancar. Sekiranya guru tidak dapat mendengar bacaan pelajar, maka ia akan menyukarkan proses tilawah dan teguran semasa proses talaqqi berlangsung. Manakala kejelasan gambar adalah penting supaya guru dan pelajar dapat memerhatikan gerakan bibir dan mulut masing-masing dengan tujuan untuk mengenalpasti sebutan sebutan huruf dan tajwid yang betul.

Perbezaan Antara Pembelajaran Tilawah Al-Quran Secara Bersemuka Dan Tidak Bersemuka

Dalam pembelajaran al-Quran, kaedah secara bersemuka adalah salah satu kaedah yang memberikan impak besar terhadap pelajar. Pendekatan ini membuatkan para pelajar lebih fokus dan faham. Namun, di era pandemik COVID-19 ini, pembelajaran secara bersemuka mengalami keterbatasannya. Seluruh institusi pendidikan di negara ini telah beralih kepada pembelajaran atas talian secara perlahan-perlahan. Kini, rata-rata pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT) tetap diteruskan dengan mengaplikasikan pembelajaran secara atas talian atau maya (Azura et.al, 2021)

Terdapat beberapa aspek dan sudut yang bakal disentuh melalui topik ini, antaranya adalah dari segi cara pembelajaran murid-murid. Pembelajaran quran secara talaqqi musyafahah iaitu secara berhadapan *'face to face'* dengan guru membolehkan pelajar melihat cara pergerakan mulut guru dalam membunyikan sebutan huruf secara lebih dekat dan jelas. Malah guru juga boleh membetulkan dan menegur secara langsung kepada murid jika terdapat kesalahan dan ketidaktepatan membunyikan sesuatu huruf dalam bacaan Quran (Ismail, 2004). Maka murid

akan pantas menyedari kesilapan yang telah ia lakukan. Kini, pembelajaran Quran telah beralih kepada atas talian disebabkan oleh keadaan semasa yang mendesak. Antara platform digital yang telah digunakan sebagai inisiatif dalam meneruskan pembelajaran Quran secara maya ialah seperti *Zoom*, *Google Meet*, *Ms Teams*, *Edmodo*, *Google Classroom* dan lain-lain platform. Tidak dilupakan juga pembelajaran melalui perkongsian dalam aplikasi seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Youtube*, *Facebook*, *Instagram* dan pelbagai lagi aplikasi yang digunakan sebagai medium pembelajaran (Khadijah et.al, 2020). Guru dan murid masih saling berhubung antara satu sama lain dengan menggunakan kaedah talaqqi musyafahah namun perbezaan nya adalah secara virtual, bukan lagi duduk berhadapan seperti lutut bertemu lutut.

Seterusnya, perbezaan antara cara pembelajaran bersemuka dan atas talian ini juga mengajak kita untuk melihat dari segi tahap penerimaan dan pemahaman para pelajar itu sendiri terhadap apa yang mereka pelajari. Cara pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam memastikan para pelajar mendapat setiap perkara yang diajarkan. Pembelajaran Quran adalah lebih kepada praktikal berbanding teori. Maka, apabila secara bersemuka, murid akan lebih cepat mengaplikasikan apa yang telah diajar oleh guru dan lebih mudah untuk mengajukan sebarang kemuyskilan secara terus kepada guru tanpa lengah, maka kemusykilan tersebut dapat dijawab secara terus dan tidak dilengahkan. Manakala pembelajaran melalui maya, guru- guru akan menyediakan rakaman-rakaman bacaan quran untuk didengari oleh pelajar serta menyediakan panduan dan nota untuk menerangkan setiap point yang penting bagi pelajar mengambil perhatian. Selain itu juga, kelas secara *'live'* juga turut diadakan oleh guru-guru. Maka cara ini juga dapat memenuhi kriteria talaqqi musyafahah iaitu secara berhadapan *'face to face'* walau hanya dihadapan kamera.

Turut dinotakan juga fleksibiliti masa antara secara bersemuka dan atas talian turut diambil kira. Ketika kelas secara bersemuka dijalankan, penetapan kelas adalah seperti biasa bermakna tiada sebarang perubahan dimana pelajar dijadualkan datang pada masa yang telah ditetapkan. Namun bagi mengadakan kelas secara atas talian, penetapan tempoh masa yang bersesuaian adalah amat diambil berat. Hal ini kerana pembelajaran atas talian mengambil kira dimana murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar dengan capaian internet (Hamimi dan Jahidi, 2021). Maka pengawasan ibu bapa adalah penting dalam penggunaan peranti dan bahan pengaksesan pembelajaran di atas talian.

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan antara pembelajaran tilawah al-Quran secara bersemuka iaitu secara bertalaqqi *musyafahah* dan tidak bersemuka iaitu menggunakan platform atas talian dalam kalangan pelajar. Maka, kajian seperti ini perlulah diberi perhatian serius bagi memastikan kelangsungan pembelajaran berjalan dengan lancar terutamanya dalam era pandemik COVID-19 dan ke arah fasa endemik.

RUJUKAN

- Ashraf Ismail, Ab Halim Tamuri, & Nurul Huda Hassan. (2019). Pelaksanaan amalan talaqqi dan musyafahah dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia. *Islamiyyat*, 41(1).
- Abd al-Salam Muqbil al-Majidi. (2000). *Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim. Muassasah al-Risalah*.
- Ally, M. (2008). *Foundations of Educational Theory for Online Learning: Theory and Practice of Online Learning*.
- Admin. (2021, April 30). 3 Mitos Mengaji Online Yang Terbukti Salah. Adzan Quranic Centre. <https://azdan.my/3-mitos-mengaji-online-yang-terbukti-salah/>
- Bakharudin, Y. (2020, April 15). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 494: Bolehkah Mengaji Al-Quran Secara Atas Talian (Online) Berduaan Berlainan Jantina? <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4436-irsyad-al-fatwa-siri-ke-494-bolehkah-mengaji-al-quran-secara-atas-talian-online-berduaan-berlainan-jantina>
- Embong, A.H. (2021, Februari 7). Mencari Reda Pembelajaran Al-Quran Secara Maya. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/02/783812/mencari-reda-pembelajaran-al-quran-secara-maya>.
- Hasin, A., Alias, N., & Daud, Z. (2020). Pembelajaran Ilmu tajwid Secara Dalam Talian Di Era COVID-19: Satu Tinjauan Menurut Perspektif As-Sunnah. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 29-30 October 2020.
- Jenal, M. Z. (2017, March). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Kuala Langat. In *eProceedings iCompEx17 Academic Paper*.
- Kok, K. H. (2020). Interaksi tidak bersemuka dan perintah kawalan pergerakan wabak covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 202-211.
- Muzamir, M.Y. (2021, Oktober 26). Manfaatkan Bacaan Pengajaran Al-Quran Dalam Norma Baharu. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/880409/manfaatkan-bacaan-pengajaran-al-quran-dalam-norma-baharu/>
- Mohd Nahi Abdullah. (2018). Amalan pengajaran tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan guru pendidikan Islam. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Syakir Bin Moktar, Mohd Farid Bin Sharif (2021), Kaedah Talaqqī Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 32(1), 153-174.
- Norhisham Mohamed, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramain Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran Wa al-Hafiz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32).
- Nurul Khadijah binti Mohamad, Mohamad Redha bin Mohamad, Mohamad Saifullah bin Mohamad & Shahirah Sulaiman (2020), Kaedah Pengajian Al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19, Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020), Universiti Sains Islam Malaysia, 15-Oct-2020.
- Nik Ja'far Nik Ismail (2012), Buku *Qawaid Al-Tarannum: Cara Berlagu*, *Darul Fikir*, Kuala Lumpur.
- Nurul Hamimi Awang Japilan, Jahidih Saili (2021), Covid-19: Transformasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (Pdpr) Amali Solat, Tilawah Al-Quran Dan Hafazan Al-

- Quran Menggunakan Inovasi Pathplus, Seminar Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan (SPIP2021), Mac 2021.
- Rabeah Ghazali & Sabri Mohamad. (2019). Amalan talaqqi dan musyafahah dalam kalangan guru pendidikan Islam SJKC. *At-Tahkim*, 9(18).
- Rani, N.A.A (2020, Julai 26). Kaedah Mudah Belajar Al-Quran, Mahir Dalam Masa Singkat. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734892/kaedah-mudah-belajar-al-quran-mahir-dalam-masa-singkat>
- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin & Zulkarnain Binti Hassan (2021), Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (EPembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat, *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10(2), 1-14.